

Dakwaan Fadzil disifit berbaur politik sempit

UM 27 FEB 2002

KUALA LUMPUR 26 Feb. — Pelbagai pihak menyifatkan dakwaan Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor bahawa cadangan penubuhan Majlis Perundingan Ulama Negara (Majlis Ulama) sekadar untuk mengaburi mata ulama dan rakyat, sebagai tidak berasas dan lebih berbaur politik sempit.

Penasihat Agama kepada Perdana Menteri, Tan Sri Dr. Abdul Hamid Othman berkata, sebagai seorang yang terpelajar, Fadzil sepatutnya tidak terlalu taksuf sehingga berpura-pura tidak faham mengenai matlamat sebenar penubuhan majlis itu.

“Nampaknya beliau sendiri seolah-olah terkeliru dan mengangap semua ulama yang pakar dalam pelbagai bidang agama pun dengan mudah boleh juga dikaburi begitu sahaja, hanya dengan kerajaan menubuhkan majlis seperti ini,” katanya kepada *Utusan*, hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Fadzil yang mendakwa cadangan penubuhan Majlis Ulama sekadar untuk mengaburi mata ulama selain menuduh kerajaan sebagai terdesak menubuhkannya.

Kenyataan Fadzil itu bagaimanapun bercanggah dengan pandangan Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yang menyambut baik cadangan berkenaan sebagai platform dalam menasihati kerajaan mengenai pelbagai isu berkaitan agama.

Kelmarin, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ketika mengumumkan perkara itu berkata, majlis tersebut dianggotai oleh para ulama yang pakar dalam bidang masing-masing dan tidak terlibat dengan fahaman tertentu.

Fanatik

Abdul Hamid seterusnya meminta Fadzil supaya tidak terlalu fanatik dengan kepentingan diri sendiri sebaliknya turut menyambut baik niat murni kerajaan yang secara rasmi mengiktiraf peranan ulama dalam konteks pembangunan negara.

“Sebelum ini pun, setiap masa Perdana Menteri secara senyap sering menemui para ulama bagi membincangkan pelbagai perkara dan Fadzil tentu tahu belum pernah ada lagi ulama yang ‘kelabu mata’ selepas bertemu dengan Dr. Mahathir,” katanya.

Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semananjung (GPMS), Datuk Suhaimi Ibrahim juga menasihatkan Fadzil supaya lebih berfikir matang dan terbuka menerima hakikat segala cadangan baik yang diutarakan oleh pihak kerajaan selama ini.

Suhaimi juga meminta Fadzil agar tidak mempolitikkan setiap rancangan kerajaan yang jelas bertujuan untuk membangunkan rakyat dan negara termasuk mengangkat martabat institusi ulama di negara ini terpelihara ke tahap yang tinggi.

“Beliau harus sedar melalui Majlis Ulama, setiap keputusan khasnya yang melibatkan permasalahan semasa umat Islam negara ini akan sentiasa berwibawa dan kredibilitinya juga tidak dipertikaikan oleh mana-mana pihak lagi,” katanya.

Panel pemikir Jabatan Hal Ehwal Khas, Kementerian Penerangan, Ibrahim Azmi menyifatkan pandangan Fadzil itu hanya untuk menunjukkan kepada para penyokongnya bahawa beliau sebagai Ketua Pembangkang yang tetap mempunyai reputasi.

Ibrahim menambah, sebagai presiden sebuah parti pembangkang utama pula, Fadzil tentu tidak mahu dirinya dilihat terlalu mudah tunduk dengan kerajaan walaupun segala cadangan itu jelas untuk kebaikan rakyat.

“Bayangkan apa kata para penyokong Pas jika dia selaku ketua boleh terima cadangan itu, tetapi pada masa yang sama, bayangkan jika kerajaan tak tubuh Majlis Ulama, dia sebaliknya mungkin akan kecam pula kerajaan sebagai tidak mengiktiraf ulama,” katanya.